

OKTOBER
2021

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP HADIR KE SESI JELAJAH PASCA RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe - 12)

Kuantan, 12 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Encik Mohd Faizal bin Jaafar hadir ke sesi jelajah Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe - 12) baru-baru ini di Hotel Zenith, Kuantan.

Sesi jelajah anjuran Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ini dilaksanakan bersama-sama Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur untuk membuat hebahan mengenai dasar, strategi dan

inisiatif RMKe-12 kepada semua pihak berkepentingan di peringkat Negeri Pahang.

Turut hadir pada program selama dua jam ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Pembangunan Hartanah, Encik Azis bin Muhamad, Penolong Pengurus Pembangunan Hartanah, Puan Marlia binti Osman dan Penolong Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Muhammad Ridhwan bin Suhaimi.

JEMPUTAN KE PROGRAM LAWATAN YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) KE PROJEK TERNAKAN KELULUT MODEN UTM - MDSR

Simpang Renggam, 9 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menghadiri lawatan tapak ke Projek Ternakan Kelulut Moden UTM, Nurseri Majlis Daerah Simpang Renggam, Renggam, Johor.

Lawatan ini turut disertai oleh Pengurus Unit Pemantauan Perniagaan, Encik Mohd Razif bin Malek, Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim, Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya dan wakil anak syarikat, Rumpun Timur Sdn Bhd, Puan Hamidah binti Abdul Ghani.

Program ini adalah sebahagian dari program lawatan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Adham bin Baba ke Projek Ternakan Kelulut Moden UTM ini.

Projek ini dilihat berpotensi untuk diterokai kerana melibatkan pembangunan inovasi dan penggunaan teknologi tinggi serta akan menyumbang kepada pengeluaran madu kelulut yang lebih produktif dan berkualiti.

Seterusnya, PKNP juga dalam perbincangan untuk mengadakan kerjasama dengan pihak UTM bagi membuka hub ternakan kelulut di Negeri Pahang.

Hub ternakan kelulut ini akan menjadi centre of learning dan akan membantu bagi meningkatkan ekonomi B40. Semoga apa yang dirancang akan berjalan lancar untuk kebaikan bersama.



Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Adham bin Baba mendengar penerangan daripada usahawan kelulut moden.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan, Yang Hormat Dato' Hamdan bin Hussin

Kuantan, 14 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar bersama pelabur SMART

GLOVE HOLDINGS SDN. BHD. melakukan kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), Yang Hormat Dato' Hamdan bin Hussin dan pasukan teknikal MBK di Bangunan Kompleks Majlis Bandaraya Kuantan baru - baru ini.

Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah untuk memaklumkan kepada MBK bahawa SMART GLOVE HOLDINGS SDN BHD (SGHSB) akan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dalam waktu terdekat.

Datuk Bandar memaklumkan bahawa kelulusan KM hanya mengambil masa 28 hari bekerja setelah proses Self Regulated (SR) disempurnakan dalam masa 14 hari. SGHSB bercadang untuk mendirikan kilang sarung tangan dan industri berkaitan dalam 3 fasa pembangunan dengan GDV sebanyak RM2 billion serta mewujudkan 4,000 peluang pekerjaan. Turut hadir adalah Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Perindustrian PKNP.

CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK DIGITAL FREE TRADE ZONE (DFTZ) OLEH SYARIKAT DIGITAL EAST COAST SDN BHD



Penyerahan replika cek kepada Pengerusi PKNP, YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail

Kuantan, 6 Oktober - PKNP dijangka akan menerima pelaburan baru berasaskan aktiviti Digital Free Trade Zone (DFTZ) yang akan menempatkan aktiviti berasaskan produk makanan halal dan kosmetik di atas tanah seluas lebih kurang 92 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Projek dengan nilai pelaburan awal berjumlah RM 50 juta ini dijangka akan menarik limpahan aktiviti ekonomi sekitar setelah dibangunkan kelak yang mana pada ketika ini, pihak syarikat sedang menyelaraskan proses - proses awal bagi mendapatkan kelulusan - kelulusan yang berkaitan.

Mesyuarat penyelarasan pembangunan projek telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan turut dihadiri oleh Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman serta Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

Turut hadir adalah Pengarah Eksekutif serta barisan pengurusan profesional syarikat Digital East Coast Sdn. Bhd.

KURSUS KESEDARAN DAN INTERPRETASI ISO 37001 : 2016

Kuantan, 13 Oktober - Seramai 50 orang anggota pekerja Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menghadiri kursus pemahaman dan pelaksanaan ISO 37001 : 2016 secara dalam talian selama dua hari bermula 12 Oktober sehingga 13 Oktober 2021.

Kursus ini turut dihadiri Pengurusan Tertinggi PKNP, Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin. Peserta kursus terdiri daripada Pengurusan Bahagian dan Unit, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pemilik Proses dan Sekretariat Integriti.

Kursus ini diadakan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kebangsaan Siri 5 Bilangan 1/2021 serta arahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang menggesa kesemua jabatan dan agensi kerajaan untuk mendapatkan Persijilan Anti-Bribery Management System (ABMS).

Sehubungan itu, kursus ini diadakan untuk memberi pengetahuan serta mewujudkan sistem kawalan dalaman bagi sebuah organisasi untuk mencegah, mengendali dan menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah di dalam organisasi.



Kursus secara dalam talian dari Bilik Mawar PKNP

AUDIT PEMANTAUAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001 : 2015

SIRIM Berhad telah melaksanakan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 di Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bagi tahun 2021 secara atas talian bermula 20 sehingga 21 Oktober 2021.

Pengauditan telah dilaksanakan oleh Puan Mariam binti Mohamed Zin sebagai Ketua Juruaudit dan dibantu oleh Encik Mohd Hisyam bin Hamadi.

Hasil daripada audit tersebut, PKNP berjaya mengekalkan kepatuhan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada tahun ini tanpa sebarang teguran.

Secara keseluruhannya, pihak SIRIM berpuas hati dengan komitmen pihak Pengurusan PKNP dan anggota pekerja terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti selari dengan keperluan standard ISO 9001:2015.

SESI TEMUDUGA BAKAL PENYEWA KEDAI RAKYAT BESERAH

Kuantan, 28 Oktober - Satu sesi temuduga melibatkan bakal penyewa Kedai Rakyat Berserah telah dijalankan di Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Sesi ini telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan turut disertai oleh wakil Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Encik Nordin bin Ahmad dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta, Puan Suliyati bin Abdul Rahman.

Sesi temuduga ini dijalankan kerana terdapat permohonan yang tinggi daripada bakal-bakal penyewa. Seramai 30 bakal penyewa dipanggil bagi menyertai sesi temuduga ini.



Panel penemuduga Kedai Rakyat Berserah

SALAM MAULIDUR RASUL 1443 HIJRAH

"Sesungguhnya orang yang paling dekat denganku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat ke atasku" - Al Nasai dan Ibn Hibban.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul kepada semua muslimin dan muslimat.

Sempena bulan kelahiran junjungan baginda Nabi Muhammad s.a.w ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat, menghidupkan sunnah baginda dan berusaha mengikuti akhlak baginda kerana sesungguhnya baginda adalah contoh teladan terbaik

Salam Maulidur Rasul

19 Oktober 2021 bersamaan 12 Rabiulawal 1443 Hijrah

"Sesungguhnya orang yang paling dekat denganku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku"

- Al-Nasai dan Ibnu Hibban -

Ikhlās Daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP

YEAR END SALE
2021

TAMAN SAUJANA UTAMA

DISKAUN SEHINGGA
RM28,888

1 OKTOBER 2021 - 31 JANUARI 2022

✔ Sedia Untuk Didiami ✔ Percuma Yuran Guaman

KUNJUNGI PEJABAT JUALAN KAMI

No. 6 Lorong SU 1/7 | Jumaat - Ahad | 8.00 pagi - 5.00 petang



LOKASI STRATEGIK

- ✔ 0.6km daripada Masjid Tengku Mahkota Abdullah
- ✔ 3km daripada Bandar Jerantut
- ✔ 4km daripada Hospital Jerantut

MAJLIS PERSARAAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



PKNP AGRO SAMBUT ULANG TAHUN KE 10



EKSEKUTIF PELATIH 2021



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)